

CAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: MAJLIS JAMUAN MAKAN MALAM BAGI MENGHORMATI T.Y.T.  
NOBORU TAKEISHITA, PERDANA MENTERI JEPUN

TEMPAT: SRI PERDANA, KUALA LUMPUR

TARIKH: 02 MAY 1989

MASA:

Tuan Yang Terutama Noboru Takeshita;  
Puan Takeshita;  
Dif-Dif Kehormat;  
Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.  
Saya berasa sangat sukacita mengalu-alukan Tuan Yang  
Terutama Perdana Menteri Jepun dan Puan Takeshita serta  
ahli-ahli rombongan sekalian ke Malaysia.

2. Lawatan Tuan Yang Terutama kena pada masanya kerana  
ianya adalah satu petanda yang baik dalam hubungan antara  
Jepun dengan Malaysia khususnya dan ASEAN amnya. Walaupun  
Malaysia dan Jepun mempunyai hubungan yang erat, peluang  
untuk menjadi tuan rumah kepada lawatan-lawatan seperti ini  
adalah amat jarang sekali. Kami percaya bahawa lawatan Tuan  
Yang Terutama ini menunjukkan Jepun turut memberi perhatian  
yang berat kepada Malaysia serta negara-negara ASEAN dan  
ianya juga menunjukkan keinginan Jepun mengadakan  
perbincangan-perbincangan dengan Malaysia mengenai isu-isu  
dua hala dan antarabangsa.

3. Saya merasa gembira kerana semenjak lawatan terakhir  
Perdana Menteri Jepun ke Malaysia pada tahun 1983 dahulu,  
hubungan antara Malaysia dan Jepun telah terus bertambah  
baik. Hubungan dua hala yang baik ini telah dieratkan lagi  
dengan adanya hubungan dan perbincangan yang mesra di antara  
para pemimpin serta pegawai-pegawai kedua-dua buah negara.

4. Malaysia sangat menghargai akan sumbangan-sumbangan  
penting yang diberikan oleh Kerajaan dan sektor swasta Jepun  
dalam mengukuhkan hubungan dua hala ini. Bagaimanapun, kami  
berpendapat bahawa masih ada lagi ruang untuk meningkatkan  
kerjasama dua hala ini terutamanya dalam bidang perdagangan,  
perindustrian dan pemindahan teknologi. Walaupun ianya  
banyak bergantung kepada sektor swasta, peranan Kerajaan  
juga adalah tidak kurang pentingnya.

Hadirin yang dihormati,

5. Dalam usaha kami untuk memajukan negara ini, Malaysia  
terus memandang kepada negara-negara Timur termasuk Jepun  
untuk mempertingkatkan teknik pengurusan, etika kerja yang  
positif dan pendekatan yang betul ke arah pembangunan  
ekonomi. Dengan lain-lain perkataan, Malaysia masih yakin

dengan kesesuaian Dasar Pandang ke Timurnya yang telah membawa banyak manfaat. Kami berpuas hati bahawa program tersebut telah mendapat sokongan dan galakan daripada Kerajaan dan rakyat Jepun. Saya ingin merakamkan di sini penghargaan Kerajaan Malaysia kepada sokongan dan kerjasama yang telah diberikan oleh Kerajaan dan sektor swasta Jepun terhadap Dasar Pandang ke Timur kami.

6. Lapan tahun telah berlalu semenjak dasar tersebut dilancarkan, dan kami amat berbangga dengan kejayaannya. Beberapa agensi di dalam sektor awam dan swasta telah menikmati faedah daripada pendedahan dan latihan yang disediakan oleh Jepun di bawah dasar ini, dan adalah jelas bahawa Jepun boleh memberi sumbangan yang lebih untuk meningkatkan kebolehan Malaysia mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat dan sistematik.

7. Saya berasa gembira juga bahawa semua pelatih Malaysia di bawah dasar tersebut telah mendapat pekerjaan, dan saya berharap firma-firma Jepun akan terus mengambil pelatih-pelatih kami bekerja dengan firma mereka. Adalah diharapkan pengambilan tersebut tidak hanya terhad kepada firma-firma Jepun yang beroperasi di Malaysia sahaja.

8. Hasil dan kejayaan yang telah dicapai di bawah Dasar Pandang ke Timur ini akan menjadi justifikasi bagi memperluaskan program ini untuk merangkumi bidang-bidang tertentu, seperti pertanian dan pelancongan yang memerlukan kemahiran pengurusan yang lebih tinggi.

9. Kami juga berharap Jepun akan mempertimbangkan satu pendekatan 'Pandang ke Selatan' di dalam konteks pelancongan dan pelaburan. Kami memahami perlunya Jepun melabur di Eropah dan Amerika dan bagi para pelancong Jepun melancong ke sana. Tetapi, Asia Tenggara telah sentiasa memainkan peranan penting dalam pertumbuhan dan pembangunan ekonomi Jepun dan ekonomi kita sangat berkait rapat. Tenggara Asia yang makmur akan sentiasa menjadi aset kepada Jepun.

10. Sebagai sebuah kuasa ekonomi serantau dan dunia, Jepun mempunyai peranan yang penting bukan sahaja untuk menawarkan Bantuan Pembangunan Luar Negeri atau ODA dan menggalakkan pelaburan luar negeri, tetapi juga membantu dan menggalakkan pertumbuhan menyeluruh bagi rantau Asia-Pasifik. Dalam hubungan ini, Malaysia menyambut baik cadangan Jepun untuk membuka pasarannya kepada barang-barang import dari negara-negara rantau Asia-Pasifik, dan untuk membantu pembangunan ekonomi rantau ini dengan menyediakan kewangan, kepakaran dan lain-lain sumber. Peranan Jepun ini adalah sangat bermakna dalam kita menghampiri abad ke-21 yang dikenali sebagai 'Abad Asia-Pasifik'.

11. Kami menganggap perjanjian yang dicapai di Geneva baru-baru ini sebagai amatlah memberangsangkan dan memberikan banyak harapan. Kami menghargai akan kerelaan Jepun untuk memberikan kemudahan serta keutamaan ke atas barang-barang keluaran pertanian dan tropika. Kami juga berharap bahawa

Jepun akan menimbangkan kemungkinan mengimport lebih banyak barang-barang pembuatan.

12. Seterusnya saya ingin menyatakan bahawa Malaysia amat tertarik dengan 'kokusaika' atau program pengantarabangsaan yang merupakan satu fasa baru dalam hubungan Jepun dengan dunia luar. Pembukaan pasaran Jepun kepada barang-barang luar negeri telah menjadikan dagangan di seluruh dunia bertambah. Kami percaya bahawa status ekonomi dan kewangan Jepun yang mantap memerlukan Jepun memainkan peranan yang lebih besar untuk masa depan ekonomi dan politik dunia. Banyak lagi yang perlu dilaksanakan oleh Jepun untuk menjaga kestabilan dalam bidang-bidang ekonomi, kewangan dan politik dunia.

13. Akhirnya saya ingin menarik perhatian kepada 'mentaliti kubu' yang nampaknya merebak di kalangan kuasa-kuasa besar. Kami telah diberi jaminan bahawa kesatuan-kesatuan ekonomi negara-negara kaya tidak bertujuan menghindarkan eksport dari negara-negara membangun. Tetapi negara-negara membangun mengetahui bagaimana halangan tarif telah dibentuk apabila rakan-rakan dagangan kami menyertai kesatuan-kesatuan ekonomi. Kami dapat melihat bagaimana Jepun membuat penyesuaian menghadapi kemungkinan dasar-dasar perlindungan oleh kesatuan-kesatuan ekonomi negara-negara maju. Kami negara-negara membangun tidak dapat membuat penyesuaian sedemikian. Kami berharap Jepun akan menggunakan kebijaksanaannya menghalang dunia daripada dipecah-pecahkan kepada blok-blok ekonomi yang bertentangan di antara satu sama lain. Jepun sebagai negara nombor satu mestilah memastikan dunia yang adil dan saksama.

Hadirin yang dihormati,

14. Saya dengan sukacitanya menjemput hadirin sekalian untuk bersama-sama mengucapkan selamat serta kesejahteraan kepada Tuan Yang Terutama Noboru Takeshita, Kerajaan dan rakyat Jepun serta kepada hubungan Malaysia-Jepun.